

Perintah Kawalan Pergerakan susulan penularan COVID-19

Restoran dibuka, tapi beli bungkus

MKN turut benarkan majlis keraian, kahwin tanpa kehadiran orang ramai

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
 mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Restoran dan kedai makanan boleh beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa esok sehingga 31 Mac ini.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) memaklumkan premis berkenaan boleh dibuka, tetapi hanya untuk makanan dibawa pulang atau melalui perkhidmatan penghantaran oleh syarikat tertentu seperti Grab Food atau Food Panda.

Mengenai majlis keraian, perkahwinan atau kenduri, MKN memaklumkan ia boleh diadakan tanpa membabitkan kehadiran ramai.

"Bagi majlis persandingan dan resepsi serta majlis lain, disarankan ditangguhkan sehingga isu penularan COVID-19 di Malaysia berakhir," katanya dalam kenyataan soalan lazim yang diedarkan, semalam.

MKN berkata, rakyat tidak disekat untuk keluar membeli-belah barang keperluan harian, namun harus segera pulang ke rumah sebaik urusan selesai.

Semua perkhidmatan pengangkutan awam turut beroperasi sepanjang tempoh perintah terbabit berkuat kuasa.

"Sekiranya berlaku kematiian di rumah, jenazah boleh diuruskan oleh waris terdekat bersama kariah masjid atau surau manakala solat jenazah dibenarkan tanpa tahlil," katanya.

Mengulas mengenai sesi per-



Pemilik restoran, Datuk Hakimsa Abdul Karim menampal notis operasi perniagaan diteruskan seperti biasa di Seksyen 7 Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

sekolah yang ditutup sepanjang perintah itu dilaksanakan, MKN memaklumkan, kelas ganti tidak perlu diadakan manakala kelas pengajian dan semua aktiviti membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta tertakluk kepada perintah berkenaan.

Katanya, semua pelajar IPT perlu diarah kembali ke kediariannya masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, manakala pelajar luar negara dinasihatkan pulang ke negara asal.

Pelajar yang pulang ke negara asal tidak dibenarkan kembali ke Malaysia sepanjang tempoh pe-

rintah terbabit, manakala pelajar asing yang mengambil keputusan terus berada di negara ini perlu melaporkan diri kepada pihak pengurusan IPT.

Malam kelmarin, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan khas mengenai COVID-19 mengumumkan kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bermula hari ini hingga 31 Mac ini.

Perintah kawalan selama 14 hari itu dibuat mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.